Irving Fisher Committee on
Central Bank Statistics
BANK FOR INTERNATIONAL SETTLEMENTS

Pernyataan Sasana Mengenai Penunjuk Rangkuman Kewangan

Pada 5 dan 6 November 2012, Bank Negara Malaysia menganjurkan secara bersama mesyuarat antarabangsa di Sasana Kijang, Kuala Lumpur, untuk membincangkan pengukuran dan penunjuk rangkuman kewangan. Penganjur lain ialah Irving Fisher Committee on Central Bank Statistics (Irving Fisher Committee), satu rangkaian ahli ekonomi dan perangkawan merangkumi 80 bank pusat dari semua rantau, yang beroperasi di bawah naungan Bank of International Settlement. Mesyuarat dipengerusikan oleh Timbalan Gabenor, Muhammad bin Ibrahim, yang juga merupakan Pengerusi Irving Fisher Committee, dan hasil daripada mesyuarat tersebut ialah pernyataan berikut:

1. Rangkuman kewangan yang lebih meluas adalah penting untuk mempercepat dan mengekalkan guna tenaga, pertumbuhan ekonomi dan kestabilan kewangan. Pada masa ini, masih belum ada definisi yang standard mengenai rangkuman kewangan. Secara ringkasnya, rangkuman kewangan merujuk kepada penyampaian produk dan perkhidmatan kewangan yang mudah diakses, mampu dibayar, berpatutan dan berkesan kos kepada golongan yang tiada kemudahan perkhidmatan kewangan dan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Definisi ini juga meliputi produk dan perkhidmatan kepada perusahaan yang tiada atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Secara lebih umum, rangkuman kewangan mengambil kira aspek kualitatif yang inklusif seperti celik kewangan dan perlindungan pengguna.

2. Seperti dasar dalam bidang-bidang lain, dasar yang baik memerlukan data yang baik, pada kedua-dua peringkat makro dan mikro. Mesyuarat tersebut menyatakan peranan penting pengukuran dan penunjuk prestasi dalam menggalakkan rangkuman kewangan. Inisiatif yang penting telah diambil pada peringkat antarabangsa untuk memberikan bimbingan tentang pengumpulan dan penyebaran data mengenai akses kepada dan penggunaan produk dan perkhidmatan kewangan, serta aspek-aspek kualitatif rangkuman kewangan. Inisiatif berkaitan data antarabangsa termasuk data Tabung Kewangan Antarabangsa, Bank Dunia, G20, *Consultative Group to Assist the Poor*, dan *International Finance Corporation, Alliance for Financial Inclusion (AFI)* serta *Microfinance Information Exchange*.

3. Banyak negara membangun, sedang pesat membangun, dan maju sedang melaksanakan saranan antarabangsa yang berkaitan dengan rangka kerja data dan metodologi bagi penunjuk rangkuman kewangan. Walau bagaimanapun, ini masih belum diterima pakai sepenuhnya oleh semua negara disebabkan oleh tahap rangkuman kewangan yang berbeza-beza antara negara. Banyak negara juga yang menyertai inisiatif pengumpulan data yang diselaraskan pada peringkat antarabangsa dalam usaha melaksanakan rangkuman kewangan dalam negara masing-masing dan membolehkan perbandingan data dibuat antara negara.

4. Di samping itu, negara-negara sedang melaksanakan pendekatan yang berasaskan data yang khusus bagi sesebuah negara untuk mengukur rangkuman kewangan melalui dimensi yang berbeza, termasuk celik kewangan, perlindungan pengguna, hutang isi rumah, kredit mikro, pembiayaan perusahaan kecil dan sederhana dan pembangunan masyarakat.

5. Bank-bank pusat di rantau yang berlainan di dunia mempunyai kepentingan yang jelas dalam usaha menggalakkan rangkuman kewangan, khususnya dengan menambah baik data yang relevan dengan dasar. Ini

termasuk menghasilkan penunjuk komposit atau indeks rangkuman kewangan pada peringkat negara dan antarabangsa. Walaupun saranan terhadap perkara-perkara tersebut berasas, beberapa isu metodologi perlu dipertimbangkan dengan teliti dalam menggunakan penunjuk tersebut untuk tujuan pembangunan dasar, iaitu dari segi membandingkan rangkuman kewangan merentas pelbagai negara yang berbeza dan mengikut peredaran masa.

6. Irving Fisher Committee bersedia menyumbang kepada usaha antarabangsa dalam penyeragaman pengukuran rangkuman kewangan yang relevan dan pembangunan indeks komposit atau paparan data (dashboards). Kepakaran statistik ahli Irving Fisher Committee tersedia untuk organisasi dan kumpulan di dalam negeri dan antarabangsa.